

Published on *BeritaHarian.sg* (<http://beritaharian.sg>)

[Muka Depan](#) > [Printer-friendly](#) > Bilakah puasa Arafah?

## Bilakah puasa Arafah?

Oct 03, 2014 | 5:30AM -- hermes

**Main Image:**



KEDEDUA Hari Raya Puasa dan Haji didahului dengan 10 malam yang banyak fadilatnya. Hari Raya Puasa didahului dengan 10 malam terakhir Ramadan. Kemuncaknya ialah Lailatulqadar.

Hari Raya Haji pula didahului dengan 10 malam pertama bulan Zulhijah yang penuh dengan kelebihan. Kemuncaknya pula ialah hari Arafah.

Fadilat puasa pada hari Arafah ini dinyatakan Rasulullah saw dalam hadisnya yang bermaksud: "Dengan berpuasa pada hari Arafah, aku berharap semoga Allah swt mengampuni dosa-dosa setahun sebelumnya dan setahun selepasnya." Hadis ini diriwayatkan Imam Muslim.

Sabdanya lagi: "Sesiapa yang berpuasa pada hari Arafah, Allah swt akan mengampuni dosa-dosanya selama dua tahun, iaitu setahun sebelumnya dan setahun sesudahnya." Hadis ini diriwayatkan Ibn Majah.

Namun, persoalan yang kerap timbul ialah bilakah sepatutnya kita berpuasa jika hari wukuf tidak bertepatan dengan tarikh 9 Zulhijah di negara lain? Adakah kita berpuasa mengikut hari wukuf, atau mengikut tarikh 9 Zulhijah di negara masing-masing?

Ada yang berpendapat bahawa puasa hari Arafah perlu bertepatan dengan wukufnya jemaah di Padang Arafah. Oleh kerana itu dinamakan puasa Arafah. Puasa tersebut juga sebagai menunjukkan sokongan kepada jemaah haji.

Mereka mendapat kelebihan berada di Padang Arafah pada hari yang terbaik dalam setahun. Maka orang yang tidak mendapat kesempatan tersebut, mereka dianjurkan berpuasa agar meraih sedikit cebisan daripada rahmat Allah yang turun pada hari tersebut.

Hujah ini sahih jika bumi ini leper dan mendatar. Tetapi hakikatnya ialah bumi ini bulat. Ketika orang wukuf, umat Islam di Canada dan Alaska sedang lenyak tidur tengah malam. Bagaimana mereka hendak pastikan puasa mereka bertepatan dengan waktu wukuf?

Jika mereka berpuasa pada hari sebelumnya, jemaah haji belum lagi wukuf. Belum lagi hari Arafah.

Jika mereka berpuasa pada hari selepasnya, jemaah haji sudah pun meninggalkan bumi Arafah dan menuju ke Muzdalifah dan Mina.

Jelas di sini, logik yang meminta umat Islam berpuasa bertepatan dengan wukuf di Arafah merupakan hujah tidak tepat.

Dan adakah bagi mereka hukum yang berbeza dengan rakyat Singapura? Iaitu mereka boleh berselisih puasa dengan hari wukuf sedangkan umat Islam di Singapura perlu puasa bertepatan dengan hari wukuf?

Tiada hadis menyebut bahawa Rasulullah saw memerintahkan para sahabatnya supaya ke Makkah pada awal Zulhijah untuk pastikan bilakah hari wukuf, dan kemudian pulang ke Madinah dan memberitahu umat Islam tarikh tersebut agar semua dapat berpuasa Arafah bertepatan dengan hari wukuf.

Sebaliknya, Rasulullah mengamalkan rukyah hilal di Madinah. Baginda tidak bergantung kepada rukyah hilal di Makkah, walaupun berdekatan. Dan baginda tidak pernah menyuruh umatnya agar berpuasa Arafah bertepatan dengan hari wukufnya jemaah haji.

Sebaliknya, Rasulullah saw memerintahkan kita agar mengikut keputusan majoriti. Erti kata lain, ikut keputusan pihak yang berwenang di sesebuah negara dan kawasan.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, Rasulullah saw bersabda:

"Hari mula puasa ialah hari di mana kamu semua mula berpuasa. Hari Raya Puasa ialah hari di mana kamu semua tentukan sebagai Hari Raya Puasa. Dan Hari Raya Haji ialah hari di mana kamu semua tentukan sebagai Hari Raya Haji."

Ada yang bersetuju agar Hari Raya Haji perlu ikut kalendar sesebuah negara, bukan kalendar Arab Saudi.

Tetapi mereka anjurkan puasa Arafah pada hari wukuf walaupun ia jatuh pada 8 Zulhijah mengikut kalendar tempatan.

Perbuatan ini tiada asasnya dalam Islam. Ia satu bidaah. Puasa Arafah perlu dilakukan pada 9 Zulhijah bukan 8 Zulhijah. Dan hari selepasnya ialah Hari Raya Haji.

Sedangkan orang yang berpuasa pada 8 Zulhijah hanya kerana ingin bertepatan dengan orang wukuf, mereka masih lagi belum dapat berhari raya selepas hari tersebut.

Tambahan, ulama Saudi melarang umat Islam di luar Saudi mengikut hari wukuf di Saudi untuk puasa Arafah. Mereka wajib berpuasa mengikut kalendar negara masing-masing.

Ini antara fatwa yang dikeluarkan Syeikh Muhammad bin Uthaimin, ulama terkemuka Saudi.

Kesimpulannya, Islam itu mudah. Kita tidak perlu tertanya-tanya tentang bilakah orang wukuf untuk puasa Arafah. Pualah hari Arafah pada tarikh 9 Zulhijah di mana sahaja kita berada.

- *Penulis pengasas pusat pendidikan Darul Huffaz.*


#### Category:

[Hidayah](#) <sup>[1]</sup>

#### Author:

USTAZ FIRDAUS YAHYA

#### Copyright:



#### Display as Blog :

0

#### Paid (Requires Subscription):

Display first 2 paragraphs for Non-Subscribers

**Ready for Publishing (Prevent Hermes Overwrite):**

0

**Promotional:**

0

**Source URL:** <http://beritaharian.sg/wacana/hidayah/bilakah-puasa-arafah>

**Links:**

[1] <http://beritaharian.sg/rencana/hidayah>